



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI

PELAN STRATEGIK 2025-2030



MALAYSIA ADVANCED CLINICAL PHARMACY
PROGRAMME (MYACPP)

**PELAN STRATEGIK MALAYSIA *ADVANCED CLINICAL PHARMACY*
PROGRAMME (MYACPP) 2025-2030**

**PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Lot 36, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz
46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
03-78413200
www.pharmacy.gov.my

eISBN 978-967-2854-77-7



MOH/F/FAR/192.26(GU) - e
A-GU-136

©Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua hak cipta terpelihara.

Tiada bahagian penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem dapatan semula, atau dihantar, dalam apa jua bentuk atau dengan apa-apa cara, elektronik, mekanikal, rakaman, dan/ atau sebaliknya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit.

PRAKATA

DR. AZUANA BINTI RAMLI

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia



Malaysia Advanced Clinical Pharmacy Programme (MyACPP) merupakan inisiatif strategik latihan klinikal lanjutan bagi membangunkan pegawai farmasi klinikal yang berpengetahuan luas, berkemahiran tinggi, kompeten dan diiktiraf, bagi memastikan keselamatan pesakit dan keberkesanan rawatan sentiasa terjamin.

Dalam usaha memperkukuh kualiti perkhidmatan farmasi klinikal di Malaysia, Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memperkenalkan Pelan Strategik *Malaysia Advanced Clinical Pharmacy Programme* (MyACPP) 2025-2030 yang menetapkan hala tuju lima tahun bagi pembangunan program ini.

Semoga usaha ini menjadi pemangkin kepada transformasi profesion farmasi ke arah amalan yang lebih dinamik dan berimpak tinggi di peringkat negara. Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat atas dedikasi dalam merealisasikan pelan ini. Bersama-sama kita berusaha memperkukuh kecemerlangan penjagaan kesihatan negara.

PRAKATA

ZUHAINI BINTI MUKRIM

Pengarah

Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi

Program Perkhidmatan Farmasi

Kementerian Kesihatan Malaysia



Malaysia Advanced Clinical Pharmacy Programme (MyACPP) diwujudkan sebagai satu inisiatif strategik di bawah Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi (BAPF), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memperkukuh kompetensi dan profesionalisme pegawai farmasi di Malaysia. Program ini bertujuan memperkasa pegawai farmasi dengan pengetahuan, kemahiran klinikal dan kecekapan yang diperlukan untuk memberikan perkhidmatan penjagaan farmaseutikal berkualiti tinggi di pelbagai bidang pengkhususan.

Pelan strategik ini menyediakan satu kerangka latihan komprehensif yang memberikan arah tuju dan struktur jelas bagi pelaksanaan program latihan tersebut. Ia dirancang bagi mengurangkan jurang kompetensi sedia ada serta memastikan setiap modul latihan menepati piawaian yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.


Dengan pelaksanaan MyACPP, diharapkan agar program latihan ini dapat berkembang secara mampan dan memberi kesan positif dalam meningkatkan keupayaan pegawai farmasi, memperkukuh perkhidmatan penjagaan farmaseutikal, dan seterusnya menyumbang kepada kemajuan sektor penjagaan kesihatan di Malaysia.

KANDUNGAN

1. PENGENALAN	6
1.1. EVOLUSI PERKHIDMATAN FARMASI KLINIKAL	6
1.2. ISU DAN CABARAN	7
1.3. MALAYSIA ADVANCED CLINICAL PHARMACY PROGRAMME	7
2. LOGO	8
3. VISI, MISI DAN OBJEKTIF	9
4. STRUKTUR PROGRAM	10
4.1. FASA PELAKSANAAN	10
4.2. KRITERIA PEMILIHAN PRESEPTOR	11
4.3. KRITERIA PEMILIHAN PELATIH	12
4.4. KERANGKA PELAKSANAAN DAN KOMPETENSI	13
4.5. PELAKSANAAN LATIHAN	17
4.6. PENILAIAN	17
5. TADBIR URUS	18
6. JAWATANKUASA	19
6.1. STRUKTUR JAWATANKUASA	19
6.2. TERMA RUJUKAN	19
7. PEMANTAUAN	20
7.1. QUALITY ASSURANCE DAN PENANDA ARAS	20
8. PELAN TINDAKAN DAN PERUNTUKAN	21
9. KELESTARIAN DAN PENGIKTIRAFAN	23
9.1. KELESTARIAN	23
9.2. PENGIKTIRAFAN	24
10. LAMPIRAN	25
LAMPIRAN 1: SENARAI BIDANG PENGKHUSUSAN FARMASI KLINIKAL ATAU FARMASI KLINIKAL DAN TEKNIKAL	25
LAMPIRAN 2: CARTA ALIR PELANTIKAN PRESEPTOR DAN PELAKSANAAN LATIHAN MYACPP	26
2.1 CARTA ALIR PELANTIKAN PRESEPTOR MYACPP	26
2.2 CARTA ALIR PELAKSANAAN LATIHAN MYACPP	27
LAMPIRAN 3: TEMPLAT UNTUK KEGUNAAN PEMILIHAN PELATIH MYACPP	28
LAMPIRAN 4: BUKU LOG LATIHAN DAN MODUL LATIHAN	29
LAMPIRAN 5: TERMA RUJUKAN	30

1. PENGENALAN

1.1. EVOLUSI PERKHIDMATAN FARMASI KLINIKAL



1.2. ISU DAN CABARAN

Sepanjang 20 tahun perkhidmatan ini dilaksanakan, beberapa isu dan cabaran telah dikenal pasti, antaranya:


1. **Jurang Kompetensi:** Terdapat jurang yang besar antara latihan kompetensi Tahap 1 (latihan sangkutan jangka pendek) dengan Tahap 4 (pegawai berkemahiran tinggi dan lepasan PhD);
2. **Standard Latihan:** Ketiadaan modul latihan berstruktur dan penanda aras pelaksanaan bagi latihan kompetensi Tahap 2 dan 3, khususnya bagi pegawai farmasi yang telah melepasi latihan kompetensi Tahap 1 serta mempunyai pengalaman luas, pengiktirafan *credentialing* dan kelulusan pasca siswazah dalam bidang pengkhususan farmasi klinikal; dan
3. **Kepakaran:** Kurang mengoptimumkan kepakaran pegawai berkemahiran tinggi dan lepasan PhD yang sedia ada.

Perkembangan landskap penjagaan kesihatan di Malaysia menuntut pegawai farmasi klinikal yang berkemahiran tinggi, berpengetahuan mendalam dan mampu memberi penjagaan pesakit yang berfokus kepada keperluan individu. Sehubungan itu, *Malaysia Advanced Clinical Pharmacy Programme* (MyACPP) dirangka sebagai pelan strategik bagi menangani isu dan cabaran tersebut.

1.3. MALAYSIA ADVANCED CLINICAL PHARMACY PROGRAMME

Malaysia Advanced Clinical Pharmacy Programme (MyACPP) merupakan program latihan klinikal lanjutan yang khusus dan berstruktur bagi pegawai farmasi klinikal di Malaysia. Program ini dibangunkan sebagai satu inisiatif strategik di bawah Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi (BAPF), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memperkasakan pegawai farmasi di Tahap 2 dan 3 dengan pengetahuan serta kemahiran klinikal yang mendalam. MyACPP bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan kompetensi profesional yang selaras dengan piawaian antarabangsa, malah memperkukuh penyampaian perkhidmatan penjagaan farmaseutikal yang berkualiti tinggi.

2. LOGO



3. VISI, MISI DAN OBJEKTIF

Pelan strategik MyACPP dilaksanakan berasaskan Visi, Misi dan Objektif selaras dengan hala tuju Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Agenda Reformasi Kesihatan Negara.



VISI

Mewujudkan kerangka latihan sangkutan yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, mampan, dan berupaya memperkukuh amalan farmasi klinikal bagi meningkatkan penjagaan farmaseutikal pesakit di Malaysia.



MISI

Menyediakan latihan berstruktur, penilaian, dan laluan pengiktirafan bagi pegawai farmasi klinikal untuk mencapai sub-kepakaran dalam bidang farmasi.



OBJEKTIF

1. Mewujudkan struktur modul kompetensi Tahap 2 dan 3 bagi mengisi jurang perbezaan yang besar antara latihan kompetensi Tahap 1 dan 4.
2. Mengoptimumkan kepakaran pegawai berkemahiran tinggi dan lepasan PhD dalam penghasilan modul kompetensi yang berstruktur serta diiktiraf di peringkat antarabangsa, dengan mengadaptasi kerangka *International Pharmaceutical Federation (FIP) Global Advanced Development Framework (GADF)*.


4. STRUKTUR PROGRAM

4.1. FASA PELAKSANAAN

Pelaksanaan latihan MyACPP dijalankan secara berfasa mengikut bidang-bidang pengkhususan yang telah diluluskan sebagai bidang *credentialing*. Sehingga kini, modul latihan MyACPP bagi sembilan (9) bidang pengkhususan telah berjaya dibangunkan iaitu *Antimicrobial Stewardship* (AMS), Farmasi Kardiologi, Diabetes, Nuklear, Pediatrik, Respiratori, Hemofilia, Onkologi dan Farmakokinetik Klinikal pada tahun 2024 dan 2025.

Bidang MyACPP akan diperluaskan lagi kepada empat (4) bidang pengkhususan baharu pada tahun 2026 iaitu Farmasi Nefrologi, Rawatan Rapi, *Retroviral Disease* (RVD) dan Nutrisi Parenteral.

Perluasan ini akan memastikan farmasi klinikal terus relevan dan responsif terhadap keperluan kesihatan semasa dengan pegawai lepasan PhD dioptimumkan sebagai peneraju bidang-bidang pengkhususan ini.



Bidang-bidang pengkhususan lain yang tidak tersenarai akan ditambah dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, setiap bidang pengkhususan baharu perlu mendapat kelulusan sebagai bidang *credentialing* sebelum dimasukkan secara rasmi ke dalam struktur bidang pengkhususan MyACPP. Langkah ini bertujuan memastikan keseragaman latihan dan pengiktirafan kompetensi yang standard di semua bidang pengkhususan di bawah MyACPP.

4.2. KRITERIA PEMILIHAN PRESEPTOR

Pemilihan preceptor MyACPP akan ditentukan berdasarkan kriteria yang telah digariskan. Input daripada Bahagian Perkhidmatan Farmasi (BPF) Negeri atau Institusi diambil kira bagi memastikan hanya pegawai yang berkelayakan dipilih sebagai preceptor. Kriteria pemilihan preceptor adalah seperti berikut:

KRITERIA	PENERANGAN	
	PRESEPTOR TAHAP 2	PRESEPTOR TAHAP 3
Gred	Gred minimum UF13	
Kelayakan	Pegawai farmasi dengan lulusan sarjana klinikal atau amalan farmasi / sarjana kedokteran / pegawai berkemahiran tinggi	
Pengiktirafan <i>credentialing</i>	Masih aktif di dalam bidang pengkhususan yang dicalonkan	
Latihan	Lulus latihan sangkutan Tahap 1 dan MyACPP Tahap 2	Lulus latihan sangkutan Tahap 1, MyACPP Tahap 2 dan MyACPP Tahap 3
Kompetensi	Berpengalaman sebagai preceptor latihan sangkutan Tahap 1 dan telah melatih sekurang-kurangnya 10 orang pelatih	Berpengalaman sebagai preceptor MyACPP Tahap 2 dan telah melatih sekurang-kurangnya 4 orang pelatih
Pusat Latihan	Ditempatkan di pusat latihan yang telah dilantik oleh BAPF dan masih aktif	

Proses pemilihan preceptor dijalankan secara telus dan teratur melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Latihan Kompetensi MyACPP yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi (BAPF). Rujuk **Lampiran 2.1: Carta Alir Pelantikan Preceptor MyACPP**.

4.3. KRITERIA PEMILIHAN PELATIH

Pemilihan pelatih MyACPP dibuat berdasarkan calon yang dicadangkan oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi (BPF) Negeri atau Institusi berkaitan. Calon pelatih hendaklah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan seperti berikut:

KRITERIA	PENERANGAN	
	PELATIH TAHAP 2	PELATIH TAHAP 3
Gred	Gred minimum UF12	
Tahun Perkhidmatan	Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 8 tahun	
Bidang Pengkhususan	Aktif dalam bidang pengkhususan sekurang-kurangnya 4 tahun	
Latihan dan Penempatan	Bersedia menjalani latihan selama 12 bulan dan ditempatkan di fasiliti yang memerlukan perkhidmatan	
Pengiktirafan <i>credentialing</i>	Masih aktif di dalam bidang pengkhususan yang dicalonkan	
Latihan	Lulus latihan sangkutan Tahap 1	Lulus latihan sangkutan Tahap 1 dan MyACPP Tahap 2

Calon dikehendaki mengemukakan *curriculum vitae* (CV) yang terkini sebagai rujukan semasa sesi pemilihan. Pemilihan calon pelatih akan dibincangkan dan diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Latihan Kompetensi MyACPP yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi (BAPF) bersama-sama dengan preceptor MyACPP sedia ada. Rujuk **Lampiran 2.2: Carta Alir Pelaksanaan Latihan MyACPP** dan **Lampiran 3: Templat untuk Kegunaan Pemilihan Pelatih MyACPP**.

4.4. KERANGKA PELAKSANAAN DAN KOMPETENSI

Kerangka modul latihan MyACPP diadaptasi daripada *Global Advanced Development Framework* (GADF) yang dibangunkan oleh *International Pharmaceutical Federation* (FIP). Kerangka ini merangkumi enam (6) kluster utama pembangunan kompetensi bagi memperkukuhkan pembangunan profesional lanjutan dan menyokong kemajuan kerjaya ahli farmasi di peringkat global, iaitu:

1. *Expert Professional Practice*
2. *Leadership*
3. *Research & Evaluation*
4. *Management*
5. *Education, Training and Development*
6. *Working with Others*

Bagi merealisasikan kluster kompetensi tersebut, sebanyak sembilan (9) strategi utama telah digariskan di bawah setiap komponen teras latihan seperti berikut:

1. *Quality Improvement*
Strategi 1: *Developing evidence in practice*
Strategi 2: *Service evaluation and development*
2. *Clinical skills*
Strategi 3: *Disease management*
Strategi 4: *Clinical skills, patient's monitoring and onward referral*
Strategi 5: *Management of long-term complications or conditions*
Strategi 6: *Managing drug treatment*
3. *Health awareness and promotion*
Strategi 7: *Advancing practice in primary care and/or public*
4. *Teamwork and Leadership*
Strategi 8: *Continuing professional development*
Strategi 9: *Teamwork and leadership*

Sasaran bagi setiap aktiviti di bawah sembilan (9) strategi tersebut adalah berbeza mengikut bidang pengkhususan.

Satu mekanisme pemetaan antara kluster kompetensi dan strategi telah diwujudkan bagi memastikan keselarasan pelaksanaan setiap strategi dengan pembangunan kluster kompetensi yang disasarkan. Ringkasan perkaitan adalah seperti berikut:

KLUSTER KOMPETENSI STRATEGI	Expert Professional Practice 	Leadership 	Research & Evaluation 	Management 	Education, Training and Development 	Working with Others 
STRATEGI 1	✓		✓			✓
STRATEGI 2			✓	✓		✓
STRATEGI 3	✓	✓		✓		✓
STRATEGI 4	✓	✓		✓		✓
STRATEGI 5	✓	✓		✓		✓
STRATEGI 6	✓	✓		✓		✓
STRATEGI 7		✓		✓	✓	✓
STRATEGI 8		✓			✓	✓
STRATEGI 9		✓				✓


Berdasarkan pemetaan tersebut, setiap strategi diperincikan kepada beberapa inisiatif pelaksanaan seperti berikut:

STRATEGI	INISIATIF
S1: Developing evidence in practice	• Apply knowledge and understanding of the principles of evidence-based medicine in critically evaluating published research • Apply knowledge and understanding of qualitative and/or quantitative research methodologies • Apply knowledge and understanding of statistical methods appropriate to pharmacy research in selecting, implementing and reporting test that appropriate to the data to be analyzed • Evaluate the effectiveness of clinical & pharmacological interventions
S2: Service evaluation and development	• Identify and critically analyze significant factors that are likely to have a bearing on the outcome of the service improvement project • Critically evaluate the evidence for change • Plan, implement and reflect upon the outcomes of a service improvement project • Presentation at seminar or conference
S3: Disease management	• Develop and demonstrate the application of pharmacology in relation to the practice • Recognize other professional's practice and raise concerns related to inappropriate or unsafe practice or management • Apply local, regional, national or international guidelines or policies • Apply evidence-based decision making in all aspects • Identify and manage prescribing or medication errors • Apply knowledge and understanding of the principles of medicines optimization in optimizing the drug treatment of the patient • Understanding the risks of medication use in improving patient safety in their practice • Understand clinical governance and utilize current and emerging system, technologies or procedure • Importance of good communication skills is demonstrated in disease management to convey the issues being addressed • Develop and monitor treatment plans
S4: Clinical skills, patient's monitoring and onward referral	• Demonstrate appropriate history-taking • Demonstrates appropriate pharmacotherapy review and apply the principle of effective monitoring and management to improve patient outcomes • Identify relevant investigations and interpret results and data • Recognize when to seek guidance from another member of the healthcare team and where to refer appropriately • Develop and monitor treatment plans

STRATEGI	INISIATIF
S5: Management of long-term complications or conditions	• Demonstrate appropriate history-taking • Demonstrates appropriate pharmacotherapy review and apply the principle of effective monitoring and management to improve patient outcomes • Identify relevant investigations and interpret results and data • Recognize when to seek guidance from another member of the healthcare team and where to refer appropriately • Develop and monitor treatment plans
S6: Managing drug treatment	• Monitor and adjust drug treatment to maximizing clinical outcomes for patients • Interpret the results of laboratory test and other test and the application or impact on the choice of drug regimen • Apply knowledge and understanding of the effects of comorbidities on pharmacokinetics/pharmacodynamics in managing drug treatment • Apply knowledge and understanding of the causes and outcomes of ADR and interactions to manage treatment in patients who experience ADR and/or interactions effects • Develop and monitor treatment plans
S7: Advancing practice in primary care and/or public (via collaboration)	• Deliver effective health promotion activities and services such as the role of pharmacist in smoking cessation services, obesity management, supporting sexual health and influence of lifestyle on disease development • Planning the health promotion event
S8: Continuing Professional Development (CPD)	• Demonstrates ability to effectively mentor other within the team and/or organisation • Demonstrates ability to plan a series of effective learning experiences/sharing for others through seminar or workshop
S9: Teamwork and Leadership	• Demonstrates ability to effectively mentor other within the team and/or organisation • Demonstrates ability to plan an effective learning experiences/sharing for others through seminar or workshop

4.5. PELAKSANAAN LATIHAN

Latihan kompetensi MyACPP dijalankan selama 12 bulan menggunakan pendekatan *mixed-mode* yang menggabungkan sesi pembelajaran secara fizikal dan atas talian. Cadangan jadual latihan sesi fizikal sepanjang tempoh latihan adalah seperti dalam rajah di bawah. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tertakluk kepada perubahan berdasarkan ketersediaan preseptor dan pelatih.



Pendekatan *mixed-mode* ini dapat memastikan pelatih dan preseptor masih boleh menjalankan tugas hakiki di fasiliti masing-masing di samping dapat mengurangkan kos perbelanjaan dan tuntutan.

Pelatih dan preseptor boleh menuntut tuntutan perjalanan dan penginapan di bawah BAPF melalui sekretariat bidang pengkhususan yang telah dilantik.

4.6. PENILAIAN

Sesi penilaian akan dijalankan melalui tiga (3) kaedah seperti berikut:

- 1. Penilaian Buku Log** (rujuk **Lampiran 4: Buku Log Latihan dan Modul Latihan**): Dinilai oleh preseptor sepanjang tempoh latihan.
- 2. Penilaian secara Temu Duga (Viva Voce):** Dinilai diakhir tempoh latihan oleh panel penilai yang dilantik bagi pelatih MyACPP di Tahap 2.
- 3. Penilaian secara 360 darjah:** Dinilai diakhir tempoh latihan oleh penilai yang dilantik bagi pelatih MyACPP di Tahap 3.

Panel penilai yang dilantik adalah terdiri daripada penggubal polisi dan pemegang taruh seperti wakil Program Perkhidmatan Farmasi, Pakar Perunding atau Pakar Perubatan, Pakar Akademik dan preseptor bidang pengkhususan.

5. TADBIR URUS

Pelaksanaan dan tadbir urus MyACPP melibatkan pelbagai pemegang taruh utama bagi memastikan keberkesanan dan kelestarian program, termasuk:


Penyelaras Program	Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi (BAPF), Program Perkhidmatan Farmasi (PPF), KKM di bawah Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Latihan Kompetensi MyACPP (rujuk Lampiran 5 untuk terma rujukan)
Panel Penasihat dan Rakan Kolaborasi	Pakar Perunding, Pakar Perubatan, Pakar Akademik dari Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Bahagian-Bahagian lain di bawah Program Perkhidmatan Farmasi dan lain-lain pihak berkepentingan
Jawatankuasa Induk <i>Credentialing</i> Amalan Farmasi (JICAF)	Menyelaras tadbir urus bagi permohonan baharu dan pengekalan pengiktirafan <i>credentialing</i> di bawah Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia (BLFM)
Rakan Profesional	<i>Malaysian Pharmaceutical Society</i> (MPS), <i>International Pharmaceutical Federation</i> (FIP) dan lain-lain badan profesional yang diiktiraf

6. JAWATANKUASA

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan MyACPP, satu jawatankuasa telah dibentuk untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan program ini di peringkat kebangsaan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan penetapan hala tuju strategik program bagi memastikan objektif MyACPP tercapai secara mampan.

6.1. STRUKTUR JAWATANKUASA

Keahlian jawatankuasa ini terdiri daripada barisan kepimpinan utama dan pegawai farmasi di bawah Cawangan Penjagaan Farmaseutikal, Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi (BAPF) seperti berikut:




6.2. TERMA RUJUKAN

Satu Terma Rujukan yang komprehensif telah digariskan bagi memastikan tadbir urus yang sistematik. Ia merangkumi aspek perancangan modul, penyelarasan aktiviti latihan, pemantauan kualiti program dan pengurusan isu-isu berbangkit sepanjang fasa pelaksanaan. Perincian skop tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini adalah seperti di **Lampiran 5: Terma Rujukan**.

7. PEMANTAUAN

Pelaksanaan MyACPP dilakukan secara berkala melalui pemantauan:



7.1. QUALITY ASSURANCE DAN PENANDA ARAS

MyACPP memastikan kualiti latihan dan penanda aras kompetensi sentiasa terpelihara melalui beberapa mekanisme berikut:



8. PELAN TINDAKAN DAN PERUNTUKAN

Pelan tindakan dan peruntukan ini dirancang bagi memastikan pelaksanaan MyACPP berjalan secara berfasa dan terancang. Jadual berikut memperincikan aktiviti utama yang dirancang, tempoh pelaksanaan dan peruntukan yang diperlukan bagi menyokong pelaksanaan program di setiap fasa.

Tahun	Aktiviti	Peruntukan (RM)
2024	Fasa Persediaan - Pembangunan kertas cadangan dan kelulusan program - Pembentangan di Peringkat PPF - Pembentangan di Pengurusan Tertinggi KKM - Kelulusan pelaksanaan program 2024-2030 bersama peruntukan perbelanjaan Fasa Pembangunan - Bengkel Penyediaan Modul Latihan MyACPP Fasa 1 - Bengkel Pemurniaan Modul Latihan MyACPP Fasa 1 Fasa Pelaksanaan - Latihan MyACPP bagi Fasa 1 (Kohort 1) <i>Antimicrobial Stewardship (AMS)</i> - Farmasi Kardiologi - Farmasi Diabetes - Farmasi Nuklear - Farmakokinetik Klinikal	50,000.00
2025	Fasa Pembangunan - Bengkel Penyediaan Modul Latihan MyACPP Fasa 2 - Bengkel Pemurniaan Modul Latihan MyACPP Fasa 2 - Bengkel Pembangunan Bank Soalan MyACPP Fasa 1 & 2 Fasa Pelaksanaan - Latihan MyACPP bagi Fasa 1 (Kohort 1 & 2) - Latihan MyACPP bagi Fasa 2 (Kohort 1) - Farmasi Pediatrik - Farmasi Respiratori - Farmasi Hemofilia - Farmasi Onkologi	160,000.00

Tahun	Aktiviti	Peruntukan (RM)
2026	Fasa Pengiktirafan - FIP Seal: Penanda aras pengiktirafan antarabangsa Fasa Pembangunan - Bengkel Penyediaan Modul Latihan MyACPP Fasa 3 - Bengkel Pemurniaan Modul Latihan MyACPP Fasa 3 - Bengkel Pembangunan Penilaian 360 darjah MyACPP Tahap 3 Fasa Pelaksanaan - Latihan MyACPP bagi Fasa 2 (Kohort 1 & 2) - Latihan MyACPP bagi Fasa 3 (Kohort 1) - Farmasi Nefrologi - Farmasi Rawatan Rapi - Farmasi <i>Retroviral Disease</i> (RVD) - Farmasi Nutrisi Parenteral	178,000.00
2027 - 2030	Fasa Pembangunan - Bengkel Pembangunan Bank Soalan MyACPP Fasa Pelaksanaan - Latihan MyACPP bagi Fasa 3 (Kohort 1 & 2) - Latihan MyACPP bagi bidang pengkhususan seterusnya - Farmasi Geriatrik - Farmasi Psikiatri - dan lain-lain bidang pengkhususan baharu	100,000.00 (Unjuran setiap tahun; pertambahan peruntukan tahunan boleh dilakukan mengikut keperluan)
Jumlah		788,000.00

9. KELESTARIAN DAN PENGIKTIRAFAN

9.1. KELESTARIAN

Latihan MyACPP dilaksanakan menggunakan peruntukan daripada Pelan Operasi Latihan (POL) tahunan dengan peruntukan khas yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Perancangan Kementerian Kesihatan (JDPKK) Bilangan 2/2024. Permohonan ini perlu dipohon setiap tahun bagi menjalankan latihan-latihan yang telah dijadualkan.

Pelaksanaan latihan oleh pelatih MyACPP adalah di pusat latihan yang dilantik dan fasiliti pelatih yang menawarkan perkhidmatan bidang pengkhususan tersebut. Ini bagi memudahkan pelatih memenuhi sasaran modul latihan disamping mendapat pendedahan meluas dalam bidang pengkhususan tersebut. Perjalanan latihan ini juga akan melibatkan kolaborasi bersama pasukan kesihatan lain yang membantu dalam memberi pengalaman dan perkongsian ilmu yang terkini dan relevan.

Selepas menamatkan latihan, pegawai farmasi akan terus berkhidmat di fasiliti asal dengan menerapkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan farmasi dalam bidang pengkhususan berkaitan. Pegawai farmasi yang telah lulus latihan MyACPP juga berpotensi ditempatkan di fasiliti lain yang menawarkan kepakaran dalam bidang pengkhususan yang dilatih bagi meneruskan sumbangan dalam penyampaian perkhidmatan farmasi yang lebih khusus.

9.2. PENGIKTIRAFAN

Pegawai farmasi yang berjaya menamatkan latihan MyACPP akan diperakui secara rasmi melalui pengiktirafan MyACPP dan layak untuk dipertimbangkan bagi manfaat kerjaya atau insentif khas apabila laluan tersebut telah tersedia.

Selain itu, program MyACPP juga berpotensi menerima pengiktirafan melalui kolaborasi strategik bersama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan pelarasan standard latihan MyACPP ke arah kesetaraan dengan pasca siswazah atau peringkat akademik yang diiktiraf.

Di peringkat antarabangsa, program ini juga diselaraskan dengan standard FIP Seal, iaitu pengiktirafan antarabangsa yang diperkenalkan oleh FIP bagi modul latihan kompetensi pegawai farmasi. Penjajaran ini memastikan modul latihan yang dibangunkan memenuhi kriteria FIP Seal, seterusnya meletakkan MyACPP pada penanda aras global dari segi struktur latihan dan pembangunan kompetensi profesional, sekali gus meningkatkan kredibiliti dan pengiktirafan program di peringkat antarabangsa.

Inisiatif ini diharapkan dapat memperkukuh pengiktirafan pegawai farmasi di sektor kementerian serta menjadi asas perluasan kepada seluruh profesion farmasi di Malaysia.

10. LAMPIRAN

LAMPIRAN 1: SENARAI BIDANG PENGKHUSUSAN FARMASI KLINIKAL ATAU FARMASI KLINIKAL DAN TEKNIKAL (sehingga Jun 2026)

a) Komponen Farmasi Klinikal

1. *Antimicrobial Stewardship (AMS)*^{1,2}
2. *Anticoagulation*¹
3. *Cardiac Rehabilitation*
4. *Cardiovascular Care Bundle*
5. *Diabetes*^{1,2}
6. *Nicotine Dependence Management* (Farmakoterapi Berhenti Merokok)
7. Farmasi Kecemasan¹
8. Geriatrik¹
9. *Heart Failure*
10. Hemofilia^{1,2}
11. Hepatitis
12. Kardiologi^{1,2}
13. Nefrologi^{1,2}
14. Neurologi
15. Pediatrik^{1,2}
16. *Pain Management*¹
17. Farmakokinetik Klinikal^{1,2}
18. Perubatan Am¹
19. Psikiatri¹
20. Psoriasis
21. Rawatan Rapi (ICU)^{1,2}
22. Respiratori^{1,2}
23. *Retroviral Disease (RVD)*^{1,2}
24. *Rheumatoid Arthritis*

b) Komponen Farmasi Klinikal dan Teknikal

1. Farmasi Nuklear^{1,2}
2. Farmasi Onkologi^{1,2}
3. Nutrisi Parenteral^{1,2}
4. Pendispensan Herba Perubatan Tradisional & Komplementari


Nota:

¹ Bidang pengkhususan yang telah diluluskan sebagai bidang *credentialing*


² Bidang pengkhususan yang terlibat dalam *Malaysia Advanced Clinical Pharmacy Programme* (MyACPP) sehingga tahun 2026

LAMPIRAN 2: CARTA ALIR PELANTIKAN PRESEPTOR DAN PELAKSANAAN LATIHAN MYACPP

2.1 CARTA ALIR PELANTIKAN PRESEPTOR MYACPP



2.2 CARTA ALIR PELAKSANAAN LATIHAN MYACPP



LAMPIRAN 3: TEMPLAT UNTUK KEGUNAAN PEMILIHAN PELATIH MYACPP

Senarai Cadangan Calon

Untuk diisi oleh BAPF KKM						Untuk kegunaan BPF Negeri / Institusi			Untuk kegunaan BAPF KKM	
BIL	BIDANG PENGKHUSUSAN	NAMA PEGAWAI	GRED	FASILITI	NEGERI/ INSTITUSI	BERSETUJU UNTUK MENJADI CALON PELATIH	CV	ULASAN/ CATATAN/ LAIN-LAIN	SARINGAN PRESEPTOR	KEPUTUSAN AKHIR (SESI LIBAT URUS)

Rumusan Penilaian Calon

BIL	BIDANG PENGKHUSUSAN	NAMA PEGAWAI	FASILITI	CV	SARINGAN PRESEPTOR	KEPUTUSAN AKHIR (SESI LIBAT URUS)

AKTIF DALAM BIDANG PENGKHUSUSAN (YA/TIDAK)*	JUMLAH TAHUN PENGLIBATAN (MASIH AKTIF)*	PRESEPTOR (YA/TIDAK)*	PENYELARAS/ KETUA SEKSYEN/ KETUA UNIT/ PEGAWAI YM (YA/ TIDAK)*	CREDENTIALS DALAM BIDANG PENGKHUSUSAN (YA/ TIDAK)*	CREDENTIALING AKTIF (YA/TIDAK)*	KELAYAKAN AKADEMIK (TAMBAHAN) (SARJANA/ PhD/ NA)*	CATATAN TAMBAHAN	MARKAH PENUH

*Kriteria dengan 'YA' dan kelayakan akademik tambahan akan menyumbang satu (1) mata.

Catatan tambahan: lain-lain kriteria yang tidak dinilai yang boleh membantu dalam memberikan mata tambahan.

LAMPIRAN 4: BUKU LOG LATIHAN DAN MODUL LATIHAN

Templat Buku Log Latihan dan Modul Latihan boleh dirujuk melalui pautan kepada contoh bahan sedia ada seperti berikut: <https://i.pharmacy.gov.my/community>



LAMPIRAN 5: TERMA RUJUKAN

PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Terma Rujukan

Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Latihan Kompetensi *Malaysia Advanced Clinical Pharmacy Programme (MyACPP)*

1. Tujuan dan Skop Lantikan

Untuk menerangkan tugas dan tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Latihan Kompetensi *Malaysia Advanced Clinical Pharmacy Programme (MyACPP)* dalam bidang pengkhususan yang dilantik bagi perkhidmatan farmasi klinikal dan teknikal di bawah Program Perkhidmatan Farmasi (PPF) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2. Keanggotaan

- 2.1. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi.
- 2.2. Timbalan Pengerusi bagi jawatankuasa ini adalah Timbalan Pengarah Cawangan Penjagaan Farmaseutikal.
- 2.3. Penyelaras bagi jawatankuasa ini adalah Ketua Seksyen di Seksyen Farmasi Klinikal.
- 2.4. Ahli Jawatankuasa yang juga berperanan sebagai sekretariat adalah ahli-ahli daripada seksyen berkaitan bidang pengkhususan di bawah Cawangan Penjagaan Farmaseutikal.

3. Mesyuarat

- 3.1. Pengerusi Jawatankuasa hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat yang dihadapinya.
- 3.2. Semasa ketidakhadiran Pengerusi Jawatankuasa, mesyuarat akan dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi Jawatankuasa.
- 3.3. Jawatankuasa boleh mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun atau pada bila-bila masa mengikut keperluan.
- 3.4. Bagi mengadakan mesyuarat Jawatankuasa, kuorum adalah separuh daripada jumlah ahli yang dilantik.
- 3.5. Jawatankuasa boleh menjemput mana-mana pihak untuk hadir dalam mesyuarat Jawatankuasa untuk mendapatkan input tambahan dan mengkaji isu-isu yang berkaitan seterusnya mengesyorkan cadangan (jika berkaitan).

4. Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa

- 4.1. Merancang, membangun dan mengemaskini modul latihan *Malaysia Advanced Clinical Pharmacy Programme* (MyACPP) dalam bidang pengkhususan mengikut keperluan.
- 4.2. Menyelaras aktiviti di bawah komponen latihan *Malaysia Advanced Clinical Pharmacy Programme* (MyACPP) mengikut keperluan.
- 4.3. Memantau kualiti latihan dan memastikan pelaksanaan latihan mengikut modul yang diterbitkan oleh Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi (BAPF) KKM.
- 4.4. Mengenalpasti dan mencadang bidang pengkhususan baru termasuk pusat latihan dan preseptor bagi bidang pengkhususan yang dikenalpasti.
- 4.5. Menyampaikan maklumat terkini daripada Program Perkhidmatan Farmasi kepada semua preseptor dan pelatih dari semasa ke semasa.
- 4.6. Merancang peruntukan dan perbelanjaan kewangan dalam pelaksanaan program.

5. Tugas dan tanggungjawab sekretariat

- 5.1. Berperanan dalam membantu penyelarasan latihan MyACPP mengikut bidang pengkhususan.
- 5.2. Mengadakan mesyuarat bersama preseptor dan pelatih MyACPP mengikut bidang pengkhususan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun bagi pengemaskinian status latihan.
- 5.3. Mengemaskini modul latihan mengikut keperluan.
- 5.4. Mengurus hal-hal berkaitan latihan termasuk urusan surat menyurat dan bayaran tuntutan.
- 5.5. Memajukan isu-isu yang telah dikenalpasti sepanjang latihan bagi dibincangkan di dalam mesyuarat.
- 5.6. Membantu penyelarasan dalam memastikan kelancaran mesyuarat.
- 5.7. Menghadiri mesyuarat dan perbincangan apabila diperlukan.

6. Tempoh lantikan

Setiap ahli yang dilantik hendaklah kekal menjadi ahli dalam jawatankuasa yang dilantik bagi tempoh tiga (3) tahun.

7. Penutup

Semua ahli jawatankuasa kerja yang dilantik hendaklah memastikan tugas dan tanggungjawab dilaksanakan bagi mencapai objektif Jawatankuasa ini.



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI**

MALAYSIA ADVANCED CLINICAL PHARMACY PROGRAMME (MYACPP)